

Pejabat Pendaftaran,  
Mahkamah Tinggi,  
Mahkamah Keadilan,  
Kuala Lumpur.  
20hb. November, 1969.

Semua Yang diPertua/Kanan, Mahkamah Sesyen.

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.

Semua Majistret, Mahkamah Rendah.

REGISTRAR'S CIRCULAR NO: 7 OF 1969

BAHASA MALAYSIA DALAM PERBICARAAN DAN SURAT-MENYURAT

Adalah saya diarah menarik perhatian semua Yang diPertua Kanan/Yang diPertua, Mahkamah Sesyen dan Majistret-Majistret untuk menggunakan Bahasa Malaysia didalam semua perbicaraan dalam Mahkamah melainkan jika peguam-peguam dalam mana-mana kes membuat permohonan untuk perbicaraan itu dijalankan dalam Bahasa Inggeris oleh kerana beliau tidak mahir dalam Bahasa Malaysia. Tiap-tiap permohonan yang diperbuat oleh Peguam-Peguam tersebut hendaklah dicatitkan diatas rekod perbicaraan kes yang tersebut itu. Perkataan Inggeris bolehlah digunakan jika tidak ada perkataan Bahasa Malaysia yang tepat, misalnya perkataan-perkataan teknik (technical words).

2. Semua surat menyurat juga hendaklah dijalankan dengan mengguna Bahasa Malaysia. Berkenaan dengan perkara ini tidak ada sebab-sebab yang menimbulkan apa-apa kesukaran kerana perkara surat menurut dalam

Bahasa Malaysia sudahpun diarahkan dalam Siaran Pendaftar Bilangan 2 Tahun 1962 (Registrar's Circular No. 2/1962) yang bertarikh 6hb. September, 1962.

t.t.MOHD EUSOFF BIN CHIN

b.p.PENDAFTAR

s.k. Setia Usaha Kepada Ketua Hakim Negara, Malaysia.

Setia Usaha Kepada Hakim Besar, Malaya.

Setia Usaha2 kepada Hakim-Hakim Malaya.

Dengan syarat Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam perbicaraan dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi pembicaraan itu, memerintah bahawa pembicaraan itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) hendaklah sama ada kesemuanya dalam bahasa kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris."

4. Pekeliling ini telah dikeluarkan dengan arahan Yang Berhormat Hakim Besar.

t.t. MOHD. EUSOFF BIN CHIN

b.p. Pendaftar.